

Ucapan Y.B.Enche Hussein Onn di-Upachara
Pembukaan Pameran Chator di-St.John's Inst.
pada 26hb. April 1972 jam 2.00 petang.

=====

Saya ucapkan terima kaseh kepada Persatuan Chator
Malaysia kerana menjemput saya ka Pameran Chator ini.

Chator ia-lah satu permainan yang tertua sakali.
Terdapat salah pengertian tentang asal-usol permainan
ini dan ia tidak di ketahui oleh orang2 Greece dan Rome
dahulu kala. Pandangan yang di-terima ia-lah permainan
ini berasal dari Hindustan. Di-Hindustan permainan ini
di-abadikan dengan nama CHARTURANGA ---- dari chator,
four (empat) dan anga, satu bahagian atau ahli ---
ia itu anga yang empat, atau anggota pasukan tentera,
yang mana di-riwayatkan dalam Amarakos^{ha}~~ta~~ sebagai gajah,
kuda, chariot dan tentera berjalan kaki. Saperti yang
di-gunakan oleh tentera biasa, maka panggilan chaturanga
sering kali di-gunakan oleh penyaer2 ulong di-India.

Dari India permainan ini berkembang ka Parsi dan di-kenali di-sana dengan nama SHATRANJ. Permainan ini beraleh tangan dari orang2 Parsi ka-orang2 Arab apabila mereka mena'alokki Parsi dalam kurun yang ke tujuh, dan dari orang2 Arab, sachara langsung atau sabalek-nya, chator berkembang ka negeri Sepanyol dan lain2 bahagian Eropah lebeh kurang dalam kurun yang ka sebelas. Permainan ini menjadi terkenal kapada gulongan2 yang bertamaddun di-seluruh Eropah pada zaman Crusades. Chara menjalankan buah2 chator asal-nya sangat-lah berbedza dari yang di-mainkan hari ini. Perkembangan permainan ini terus berpanjangan dalam kurun yang ke enam belas di-mana 'castling' ia-itu tambahan yang terbaharu telah diperkenalkan. Pada akhir kurun ke enam belas, permainan ini telah berpindah ka-Italy, di-mana bandaraya Venice menjadi terkenal. Dalam kurun ke sembilan belas England telah menjadi negara pemain chator yang teragong, dan

Howard Staunton khas-nya telah di-akui sebagai pemain chator yang handal di-dunia. Sungguh pun demikian telah tampil kemuka sa-orang pemain pintar ia-itu Paul Morphy (1837 - 1884) dari Amerika dan telah ~~menggalakkan~~ ^{mengalahkan} pemain2 handalan di-Eropah. Ketika ini pemain2 handal ia-lah orang2 Russia.

Kenapakah permainan ini maseh terus di-mainkan di-seluruh dunia? Salain dari itu kenapa chator mendapat taraf antara bangsa? Sebab2-nya, saya perchaya ia-lah chator adalah satu permainan yang seronok lagi menarek hati; saperti golf, ia pun satu permainan yang mudah tetapi susah, bergantung sama ada sa-saorang itu telah atau pun tidak mengetahui atau mahir akan peratoran2 asa; permainan itu. Saperti golf, permainan chator berkehendakkan tumpuan fikiran; saperti golf, permainan chator menyebabkan sa-saorang lupakan hutang-piutang, masa'alah2, segala kerunsingan dan juga isteri yang ^{suka beletti} ~~cherewet~~ (nagging wife). Chator ia-lah satu permainan

di-mana sa-saorang itu tidak akan berasa puas hati dengan kebolehan-nya, dan akhir-nya chator ia-lah satu permainan di-mana sa-saorang itu boleh sentiasa membaiki mutu permainan-nya sekali pun ia sudah lama bermain.

Kementerian Pelajaran adalah menggalakkan sekolah2 sama ada rendah mahu pun menengah, supaya menimbulkan minat penuntut2 bermain chator dan ^{menubuhkan} ~~membolehkan~~ kelab2 chator di-sekolah2. Saperti yang telah di-sebutkan oleh Dr. Foo Lum Choon, kepintaran bermain akan di-perolehi apabila pemain2-nya maseh muda. Kementerian Pelajaran, ^{Sukan} Majlis/Sekolah2 Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah2 Negeri sangat berterima kaseh kapada Bersatuan Chator Malaysia kerana ^{sudi} ~~dapat~~ mengatorkan satu kursus bagi guru2 supaya mereka dapat memajukan permainan chator di-sekolah2.


Majlis Sukan Sekolah2 Malaysia telah pun mengambil langkah menggalakkan permainan chator di-sekolah2 dengan mengadakan bagi kali yang pertama-nya Pertandingan Chator

Antara Sekolah2 di-peringkat kebangsaan yang akan berlansong dalam penggal akhir persekolahan tahun ini. Saya yakin ini akan merupakan satu perangsang bagi penuntut2 di-sekolah2 menengah dan juga sekolah2 rendah belajar dan menimbulkan kegemaran mereka bermain 'chator.

Saya sukachita, di-fahamkan bahawa Persatuan Chator Malaysia berchadang hendak mengadakan Konggres Chator tiap2 tahun. Kementerian Pelajaran ^{sedia} /memberikan apa juga bantuan yang terdaya terhadap perkara ini. Saya juga berasa gembira kerana telah di-beritahu bahawa Persatuan Chator Malaysia akan menghantar sa-orang pemain chator muda mengambil bahagian dalam Tournament Dunia Chator (World Junior Chess Tournament) yang akan di-adakan di- England pada tahun hadapan. Untuk Tournament ini juga, Kementerian Pelajaran ada-lah ^{sedia juga memberi} ~~menawarkan~~ bantuan .

Akhir-nya, bagi pihak Kementerian Pelajaran, MSSM dan MSSN, saya ucapkan terima kaseh kepada Dr. Foo Lum Choon

dan Persatuan Chator Malaysia kerana menjemput pemain2 chator yang handal dari gulongan penuntut2 mengambil bahagian dalam permainan ini. Pemain2 handalan kita akan melawan Dr. Max Euwe, dan saya berasa mereka boleh mengalahkan beliau. Kapada Dr. Max Euwe dan Ister-nya, saya bagi pehak semua mengalu2kan kedatangan mereka. Mr. Max Euwe saperti yang kita ketahui ia-lah Presiden, Persatuan Chator Sa-Dunia. Beliau menjadi juara dunia dalam tahun 1935, dengan mengalahkan Alexhine, ia-itu 15½ mata berlawan dengan 14½. Beliau telah menjadi juara dunia hingga 1937. Saya ^{suka hendak} ingatkan beliau bahawa pada petang ini, beliau akan melawan pemain2 chator handalan dari gulongan penuntut2 dan mereka ini mempunyai bakat menjadi juara dunia masa hadapan.



dan kemudian Chatur Lalaya telah menerima surat perkenalan
 Chatur yang berasal dari golongan perindustri mengambil
 bahagian dalam perniagaan ini. Permain perdagangan kita akan
 melawan Mr. Lee Kuan Yew, dan saya berasa mereka boleh
 mengalahkan beliau. Kepada Mr. Lee Kuan Yew dan isterinya,
 saya beri salam serta mengucapkan ketulusan terima.
 Untuk itu saya anggap yang kita ketahu ia-ia Presiden
 Forum Asia Tenggara. Beliau menjadi juru dunia dalam
 tahun 1977, dengan mengalahkan Alexine, ia-ia 17% mata
 permainan dengan 17%. Beliau telah menjadi juru dunia hingga
 1977. Saya ingatkan beliau bahwa pada petang ini, beliau
 akan melawan pemain chatur handalan dari golongan
 perindustri dan mereka ini mempunyai bakat menjadi juru dunia
 masa hadapan.



No. Siri 103

No Penerimaan 103/80